

07/03/1999

Pas nafi mahu bantu PBS

KOTA BHARU: Pas menolak anggapan penyertaannya dalam pilihan raya negeri Sabah pada 12 dan 13 Mac ini untuk membantu Parti Bersatu Sabah (PBS) mengalahkan Umno.

Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata menjadi dasar mana-mana parti politik yang bertanding dalam pilihan raya, termasuk Pas, untuk mencapai kemenangan.

Menurutnya, soal siapa yang akan kalah selepas pertandingan itu tidak timbul.

"Kita (Pas) tak berniat apabila masuk pilihan raya, nak tolong parti lain, termasuk PBS. Kita nak menang, soal siapa yang kalah selepas itu, sama ada PBS atau Umno sendiri tidak timbul," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menganggap penyertaan Pas dalam pilihan raya negeri itu kali ini bertujuan membantu PBS mengalahkan Umno.

Sebelum ini, Dr Mahathir berkata, dalam negara yang mengamalkan demokrasi, sudah tentu semua orang mahu bertanding, walaupun mereka tahu tidak berpeluang memenangi pertandingan itu.

Dalam pilihan raya negeri itu, Pas meletakkan calonnya di enam kawasan walaupun gagal memenangi sebarang kerusi melalui tiga calonnya pada pilihan raya lalu.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, penyertaan Pas dalam pilihan raya di Sabah untuk mengembangkan pengaruh dan gerakan Islam yang dipeloporinya.

(END)